



SEGERA

Pejabat Yang di-Pertua Negeri Sarawak,
Astana Negeri, Petra Jaya,
93500 Kuching, Sarawak

Telefon Am: 082-512500/512505/512527
Tel. Akaun: 082-512484/512511
Fax No.: 082-440650/440385/449877

Rujukan Tuan:

Tarikh: 30 Mei 2025

Rujukan Kami: TYT/UI/100/JEMPUTAN ISTIADAT/1 JLD.1

DR. MOHAMAD NORJAYADI BIN TAMAM, P.P.B

KP : 710323-13-5273

Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

Lorong Produktiviti, Jalan Sultan

46200 Petaling Jaya, Selangor

HP : 016-8602156

Email : norjayadi@mpg.gov.my

Tuan/Puan,

ISTIADAT PENGURNIAAN DARJAH-DARJAH KEBESARAN NEGERI SARAWAK

Adalah saya dengan hormat dan takzimnya diarah untuk memaklumkan bahawa Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak telah berkenan untuk menyempurnakan penyampaian Darjah-Darjah dan Pingat-Pingat Kebesaran Negeri Sarawak pada istiadat yang akan diadakan di **Kuching** seperti berikut:-

Hari/Tarikh : Rabu, 18 Jun 2025

Waktu : 10.30 pagi

Tempat : Dewan Besar, Astana Negeri Sarawak Petra Jaya Kuching

2. Sehubungan itu, tuan/puan selaku penerima **Pingat Pentadbiran Awam – Pingat Perkhidmatan Bakti (Perak) (P.P.B)** pada tahun **2023** adalah dengan hormatnya dijemput untuk hadir di istiadat tersebut bagi menerima Darjah/Pingat yang telah dianugerahkan kepada tuan/puan itu.

3. Tuan/Puan dipelawa untuk membawa **seorang tetamu sahaja** dan pakaian bagi penerima dan tetamu menghadiri Istiadat di atas ialah **seperti garis panduan tatacara berpakaian di Lampiran “A”** yang berkepil bersama surat jemputan ini.

4. Bagi memastikan kelicinan Istiadat, tuan/puan **diwajibkan hadir (penerima sahaja) Dewan Besar, Astana Negeri Sarawak Petra Jaya Kuching** pada hari **Selasa, 17 Jun 2025, jam 8.30 pagi** untuk upacara **taklimat dan raptai**. Pakaian semasa raptai adalah seperti garis panduan tatacara berpakaian di Lampiran "A".

5. Untuk penerima pingat yang berada di luar kawasan **Kuching**, tambang dan perbelanjaan bagi menghadiri istiadat di atas tertakluk kepada Surat-Surat Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri bil: PKM/147/B/3/T(i) bertarikh 22 Mac 1984 dan PKM/147/B/12 bertarikh 6 September 1994 yang salinannya disertakan bersama-sama ini. Borang tuntutan juga adalah dikepil bersama untuk tindakan tuan/puan. Semua resit tuntutan (perjalanan dan penginapan) hendaklah ditandatangani oleh penerima dan dihantar kepada :-

**Setiausaha Sulit Kanan kepada
T.Y.T Yang di-Pertua Negeri Sarawak
Astana Negeri Sarawak Petra Jaya
93500 Kuching**

6. Sehubungan itu, sukacita tuan/puan dapat memberikan jawapan bertulis yang lengkap dengan menggunakan surat jawapan yang disediakan sebelum atau pada **11 Jun 2025 (Rabu)**. Sekiranya tuan/puan tidak dapat hadir, sila nyatakan sebab-sebabnya untuk makluman dan rekod pejabat kami.

7. Surat jawapan yang disertakan dengan surat jemputan ini **hendaklah dihantar melalui faks No. 082-440650 atau 082-440385 atau dikirim/dipos segera** sebagai pengesahan. Sekiranya surat jemputan ini diterima pada **11 Jun 2025 (Rabu)** tuan/puan dinasihatkan agar berhubung **segera dengan pejabat ini melalui telefon No. 082-374067, 082-374066, 082-374065, 082-374064** dan menyatakan sama ada tuan/puan akan hadir di majlis tersebut atau tidak. Walau bagaimanapun surat jawapan **perlu juga dihantar** melalui faks di nombor seperti di atas.

8. Untuk rujukan, bersama ini dimajukan Nota Taklimat Istiadat Pengurniaan Darjah-Darjah dan Bintang-Bintang Kebesaran Negeri Sarawak untuk makluman tuan/puan.

Sekian, terima kasih.

"BERSATU BERUSAHA BERBAKTI"
"AN HONOUR TO SERVE"

Yang benar,



(DATO' SRI HAJI SYED HAMZAH BIN SYED PAIE)
Setiausaha Sulit Kanan Kepada
T.Y.T Yang di-Pertua Negeri Sarawak

Pegawai Seranta :

- | | |
|-------------------------------------|---|
| 1. Puan Rajamah binti Sulai | - Telefon Pejabat : 082-374067 (HP - 017-8441383) |
| 2. Puan Masitah binti Hamdan Sahdan | - Telefon Pejabat : 082-374066 (HP - 012-8834119) |
| 3. Encik Mohamad Sulaiman bin Ali | - Telefon Pejabat : 082-374064 (HP - 016-8822715) |

Bil : TYT/UI/100/JEMPUTAN ISTIADAT/1 JLD.1 Tarikh :

No Ruj : **P.P.B / ENCIK FREDDY ANAK HEWARD CHINTA**

Setiausaha Sulit Kanan Kepada
Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak
Pejabat Yang di-Pertua Negeri
Astana, Petra Jaya
93500 KUCHING

Tuan/Puan,

ISTIADAT PENGURNIAAN DARJAH-DARJAH KEBESARAN NEGERI SARAWAK

Saya akan hadir / tidak hadir di **Dewan Besar, Astana Negeri Sarawak Petra Jaya Kuching** pada tarikh seperti berikut :-


- (a) Raptai Istiadat pada hari **Selasa, 17 Jun 2025, jam 8.30 pagi.**
(diwajibkan hadir) – untuk penerima Anugerah sahaja.
- (b) Istiadat Pengurniaan Darjah-Darjah Kebesaran Negeri Sarawak
pada hari **Rabu, 18 Jun 2025, jam 10.30 pagi.**

2. Tetamu saya dalam majlis tersebut ialah :-

- (a) Nama : Wan Norizan binti Wan Hashim
- (b) Hubungan dengan penerima : Isteri
No Kad Pengenalan : 741119-01-6594
No Telefon : 019-8467871

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



(Tandatangan)

Nama Penuh Penerima : Mohamad Norjayadi bin Tamam
Kad Pengenalan : 741205-13-5725
No. Telefon : 016-8602156
Alamat : No. 6 Taman Seri Sena, Lorong Semariang 7A
93050 Kuching, Sarawak
Email : norjayadi@mpc.gov.my

NOTA TAKLIMAT

ISTIADAT PENGURNIAAN DARJAH-DARJAH KEBESARAN NEGERI SARAWAK

1. ISTIADAT

- 1.1 Salah satu acara rasmi terpenting dan berprestij
- 1.2 Formal dan penuh istiadat dari segi pelaksanaannya

2. KETATATERTIBAN

2.1 Tatatertib

- Jangan bising
- Jangan keluar/masuk dewan
- Handpone mesti dimatikan

2.2 Kod Pakaian Penerima

- Sila lihat **Lampiran 'A'** berkepil bersama surat jemputan kepada penerima.

3. JENIS DARJAH/PINGAT YANG AKAN DISAMPAIKAN SEMASA ISTIADAT

a.	Johan Bintang Sarawak - (J.B.S)	- (Lelaki) Pita / (Wanita) Medal
b.	Johan Bintang Kenyalang – (J.B.K)	- (Lelaki) Pita / (Wanita) Medal
c.	Johan Perkhidmatan Cemerlang (J.P.C)	- (Lelaki) Pita / (Wanita) Medal
d.	Pingat Perwira Negeri (P.P.N)	- (Lelaki) Medal
e.	Pingat Perkhidmatan Cemerlang (Emas)(P.P.C)	- (Lelaki/Wanita) Medal
f.	Pegawai Bintang Sarawak (P.B.S)	- (Lelaki) Pita / (Wanita) Medal
g.	Pegawai Bintang Kenyalang (P.B.K)	- (Lelaki) Pita / (Wanita) Medal
h	Pingat Perkhidmatan Bakti (P.P.B)	- (Lelaki/Wanita) Medal
i	Ahli Bintang Sarawak (A.B.S)	- (Lelaki/Wanita) Medal
j	Ahli Bintang Kenyalang (A.B.K)	- (Lelaki/Wanita) Medal
k	Pingat Perkhidmatan Terpuji (P.P.T)	- (Lelaki/Wanita) Medal
l	Bentara Bintang Sarawak (B.B.S)	- (Lelaki/Wanita) Medal

4. SUSUNAN DUDUK/NAMA PENERIMA

- 4.1. Susunan duduk adalah seperti di atur oleh Protokol Astana

5. PERKARA YANG TIDAK HARUS DIBUAT

5.1 Penerima

- Jangan cuba **mengambil pingat** jika ianya terjatuh semasa proses menerima.
- Jangan melakukan sesuatu kepada T.Y.T selain dari berjabat tangan dan mengucapkan terima kasih. Contoh : Menyentuh, memeluk dsb.
- Jangan **tertawa** jika ada penerima lain yang melakukan kesilapan semasa menerima anugerah.

5.2 Tetamu Penerima

- Jangan **tertawa** jika ada penerima yang melakukan kesilapan dan lain-lain yang tidak disengajakan.
- Jangan mengambil gambar sewaktu istiadat berjalan.

6. TETAMU PENERIMA

Setiap penerima hanya dibenarkan untuk membawa seorang tetamu sahaja khususnya ahli keluarga terdekat dan tetamu tidak perlu hadir semasa hari raptai.

7. GAMBAR

Jurugambar Jabatan Perkhidmatan Penerangan Malaysia akan ditugaskan untuk mengambil gambar. Gambar-gambar akan dikirim kepada penerima oleh pihak Astana (Sila maklumkan kepada kakitangan Astana sekiranya bertukar alamat kediaman)

8. JAMUAN

Semua penerima dan tetamu mereka dijemput ke Majlis Jamuan selepas istiadat.

9. LAIN-LAIN PERKARA

Penerima dan tetamu di minta memberi kerjasama sepenuhnya bagi menjamin kelancaran dan kesempurnaan istiadat dengan :-

- Mematuhi garis-panduan yang dinyatakan dalam nota ini.
Datang lebih awal (sekurang-kurangnya satu jam sebelum istiadat bermula)

'TAHNNIAH DAN TERIMA KASIH'

**GARIS PANDUAN TATACARA BERPAKAIAN UNTUK
PENERIMA-PENERIMA DAN TETAMU SEMASA MENGHADIRI
HARI ISTIADAT DAN RAPTAI ISTIADAT PENGURNIAAN
DARJAH-DARJAH KEBESARAN NEGERI SARAWAK**

1. SEMASA HARI ISTIADAT

1.1. **PENERIMA** dan **TETAMU** dikehendaki mematuhi garis panduan berpakaian seperti berikut:-

1.1.1 PENERIMA LELAKI

- a. Bagi penerima dan tetamu, Pakaian Rasmi Istiadat (Ceremonial Uniform) bagi orang-orang yang berhak dan layak memakainya, Pakaian Kebangsaan iaitu Baju Melayu cekak musang berwarna hitam (berbutang lima), songkok baldi hitam tanpa lilitan, samping songket warna hitam berbenang emas atau perak.
- b. Bagi penerima dan tetamu bukan Islam, Pakaian Rasmi Istiadat (Ceremonial Uniform) bagi orang-orang yang berhak dan layak memakainya, sut barat berwarna gelap (Dark Lounge Suit) yang sama jenis warna baju dan seluar serta kasut dan setokin berwarna hitam.

1.1.2 PENERIMA WANITA (ISLAM DAN BUKAN ISLAM)

- a. Pakaian Rasmi Istiadat (Ceremonial Uniform) bagi orang-orang yang berhak dan layak memakainya.
- b. Baju Kurung atau Kebaya Labuh (Kebaya Labuh hendaklah sampai ke lutut dan bukan Kebaya Pendek atau Kebaya Nyonya) dan berselendang (kecuali yang memakai tudung) yang diletakan di bahu kanan. Tidak boleh memakai lain-lain 'fesyen' pakaian/baju kecuali pakaian tersebut di atas.
- c. Warna baju hendaklah kehitaman atau kelabu sama ada 'plain' atau berbunga (tidak digalakkan menggunakan warna yang cerah seperti merah, kuning, hijau dan sebagainya) begitu juga tudung dan selendang.
- d. Bagi penerima wanita hendaklah berkasut atau 'sandal' tertutup warna hitam atau yang bersesuaian dengan warna pakaian, tidak dibenarkan menggunakan selipar.

2. SEMASA HARI RAPTAI (REHEARSAL)

2.1 **PENERIMA** dikehendaki mematuhi garis panduan berpakaian seperti berikut:-

2.1.1 **LELAKI**

- a. Baju Batik Lengan Panjang
- b. Pakaian Kerja (Kemeja Lengan Panjang dan Bertali Leher)
- c. Bagi Pegawai Tentera Darat, Udara dan Pegawai Waran yang berpakaian seragam, pakaian Bush jacket No. 2 dan bersongkok Tentera kecuali TLDM. Untuk Pegawai Polis dan lain-lain Pegawai yang berpakaian seragam, pakaian yang telah ditetapkan oleh pasukan masing-masing.

2.1.2 **WANITA**

- a. Baju Kurung atau Kebaya Labuh.
- b. Pakaian Kerja (tidak dibenar memakai skirt mini).
- c. Bagi Pegawai Tentera Darat, Udara dan Pegawai Waran yang berpakaian seragam, pakaian Bush Jacket No.2 dan bersongkok Tentera kecuali TLDM. Untuk Pegawai Polis dan lain-lain Pegawai yang berpakaian seragam, pakaian yang telah ditetapkan oleh pasukan masing-masing.

PERINGATAN:

1. Penerima yang tidak mematuhi garis panduan berpakaian di atas TIDAK AKAN DIBENAR MASUK ke Dewan Istiadat sehingga Istiadat Pengurniaan selesai. Pegawai Protokol Astana yang bertugas akan memastikan peraturan ini dipatuhi.
2. Penerima tidak akan dibenarkan memakai lain-lain Bintang atau Pingat Kebesaran yang dikurniakan sebelum ini (jika ada) semasa Istiadat.
3. Bagi penerima wanita, Jubah, Kebaya Pendek, 'skirt & blazer', seluar (long pants) dan lain-lain tidak dibenarkan kecuali seperti yang diterangkan pada 1.1.2 (a) dan (b) di muka surat 1 (satu).
4. Tanda nama (bagi pegawai-pegawai Kerajaan) tidak perlu dipakai.

SEMASA HARI ISTIADAT TETAMU dikehendaki mematuhi garis panduan berpakaian seperti berikut:-

1. TETAMU LELAKI (ISLAM DAN BUKAN ISLAM)

- a. Bagi tetamu, Pakaian Rasmi Istiadat (Ceremonial Uniform) bagi orang-orang yang berhak dan layak memakainya, Pakaian Kebangsaan iaitu Baju Melayu cekak musang berwarna hitam (berbutang lima), songkok baldi hitam tanpa lilitan, samping songket warna hitam berbenang emas atau perak.
- b. Tetamu bukan Islam, Pakaian Rasmi Istiadat (Ceremonial Uniform) bagi orang-orang yang berhak dan layak memakainya, Sut Barat berwarna gelap (Dark Lounge Suit) yang sama jenis warna baju dan seluar serta kasut dan setokin berwarna hitam.

1. TETAMU WANITA (ISLAM DAN BUKAN ISLAM)

- a. Pakaian Rasmi Istiadat (Ceremonial Uniform) bagi orang-orang yang berhak dan layak memakainya.
- b. Baju Kurung atau Kebaya Labuh dan berselendang (kecuali yang memakai tudung) yang diletakkan di bahu kanan.
- c. Warna baju hendaklah kehitaman atau kelabu sama ada 'plain' atau berbunga (tidak digalakkan menggunakan warna yang cerah seperti merah, kuning, hijau dan sebagainya) begitu juga tudung dan selendang.

PERINGATAN:

1. Tetamu yang tidak mematuhi garis panduan berpakaian di atas **TIDAK AKAN DIBENARKAN MASUK** ke Dewan Istiadat sehingga Istiadat Pengurniaan selesai. Pegawai Protokol Istana yang bertugas akan memastikan peraturan ini dipatuhi.
2. Tetamu boleh memakai Bintang atau Pingat Kebesaran (jika ada).
3. Bagi tetamu wanita, Jubah, Kebaya Pendek, 'skirt & blazer' seluar (long pants) dan lain-lain tidak dibenarkan kecuali seperti diterangkan di para 1.1.2 (a) dan (b) di muka surat 1 (satu).

(SALINAN)

G 4
(Pind. 1/86)

MEMORANDUM RASMI

DARIPADA: Setiausaha Kerajaan, Sarawak	KEPADA : Sila lihat di bawah
PERKARA: Kelayakan dan Kadar Bayaran Penganugerahan Darjah Negeri Sarawak	SALINAN KPD:
RUJ. KAMI: PKM/147/B/12 TARIKH: 06.09.94	RUJ. TUAN: TARIKH:

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada Kertas Rasmi 21/84 bil: PKM/147/B/3/T/(i) bertarikh 22 Mac 1984 mengenai perkara tersebut di atas. Sukacita dimaklumkan bahawa Lampiran A kepada Kertas Rasmi itu telah dimansuhkan dan digantikan dengan LAMPIRAN A baru yang disertakan bersama ini.

Sekian, harap maklum.

“BERSATU BERUSAHA BERBAKTI”

Salinan Asal Ditandatangani

(MICHAEL TAN)

b.p. Setiausaha Kerajaan,
Sarawak

Kepada

Setiausaha Sulit kepada
T.Y.T Yang di-Pertua Negeri Sarawak

Semua Residen Bahagian

Semua Pegawai Daerah

Lampiran A

	KELAYAKAN			
	Penginapan Hotel	PENGANGKUTAN		Elaun
		Kapalterbang	Kenderaan Darat	
D.P D.A	Bilik Suites	Kelas Satu	Kereta Kerajaan	RM60/-satu hari
P.N.B.S/P.G.B.K/DU.B.S	Bilik Deluxe/Superior	Kelas Satu	Kereta Kerajaan	RM60/-satu hari
P.J.K/P.B.S/ P.K/J.B.S/J.B.K	Bilik Sewa RM110/- (Maksima)	Ekonomi	Kereta Kerajaan / Teksi	RM40/-satu hari
ABS/ABK	Bilik Sewa RM80/-(Maksima)	Ekonomi	Teksi	RM30/-satu hari
PPT/BBS	Bilik Sewa RM70/- (Maksima)	Ekonomi	Teksi	RM20/-satu hari

(SALINAN)
KERTAS MINIT

DARIPADA: Setiausaha Kerajaan, Sarawak	KEPADA : Setiausaha Sulit kepada TYT Yang di-Pertua Negeri Sarawak Semua Residen Bahagian dan Pegawai Daerah
PERKARA: Kelayakan dan Kadar Bayaran bagi Penerima Penganugerahan Darjah Negeri Sarawak	
RUJ. KAMI: PKM/147/B/3/T(i)	TARIKH: 22 Mac 1984

Adalah saya diarah memaklumkan bahawa mulai sekarang kelayakan dan kadar bayaran pengangkutan/penginapan untuk para penerima penganugerahan Negeri telahpun ditetapkan seperti di Lampiran "A" kepada Kertas Rasmi ini.

1. **ORANG AWAM**

- 1.1 Sekiranya seorang penerima anugerah itu ditemani oleh isteri/suaminya, maka penginapan di hotel (untuk dua orang) dan tambang udara pergi/balik baginya akan ditanggung oleh pihak Kerajaan.
- 1.2 Segala tuntutan bayaran balik ke atas perbelanjaan yang dikemukakan itu hendaklah disertakan dengan resit tiket kapalterbang yang telah digunakan.
- 1.3 Di mana penginapan/tiket kapalterbang bagi seorang penerima penganugerahan itu boleh diuruskan lebih awal, maka satu pesanan perkhidmatan/waran tiket kapalterbang (service order/air warrants) boleh dikeluarkan dan dibayarkan dari peruntukan Kepala S.14/14 (Penganugerahan Darjah Kebesaran Negeri).

2. **PEGAWAI KERAJAAN**

Sekiranya penerima penganugerahan itu Pegawai Kerajaan Negeri/Persekutuan dan Badan-Badan Berkanun di Sarawak, maka kehadiran mereka di Istiadat Penyampaian Darjah/Bintang Kebesaran hendaklah dianggap sebagai tugas rasmi dan dengan itu penginapan dan elaun sara hidup yang patut dibayar kepada mereka adalah mengikut kelayakan masing-masing dan perbelanjaan itu akan ditanggung oleh Jabatan atau Badan-Badan Berkanun berkenaan.

3. Sila ambil perhatian bahawa dalam semua kes, tempoh penginapan hanya dihadkan selama 3 malam.

4. Oleh itu, sukacita apalah kiranya tuan akan menerangkan perkara di atas kepada bakal penerima Anugerah Negeri di dalam surat jemputan tuan di masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

“HIDUP SELALU BERKHIDMAT”

Original signed by :

JUNAIDI REDUAN
b.p. Setiausaha Kerajaan,
Sarawak

“JADUAL TINGKATAN”				Lampiran “A”
	KELAYAKAN			
	Penginapan Hotel	Pengangkutan		
		Kapalterbang	Kenderaan Darat	
D.P / D.A.	Bilik Suites	Kelas Satu	Kereta Kerajaan	
P.N.B.S. / P.G.B.K. / D.U.B.S. / P.K. / J.B.S. / J.B.K.	Bilik Deluxe / Superior	Kelas Satu	Kereta Kerajaan	
P.J.K. / P.B.S. / P.B.K / P.P.N	Bilik Sewa RM110/-(maksima)	Ekonomi	Kereta Kerajaan atau Teksi	
P.P.B / A.B.S / A.B.K.	Bilik Sewa RM80/- (maksima)	Ekonomi	Teksi	
P.P.T / B.B.S	Bilik Sewa RM70/- (maksima)	Ekonomi	Teksi	